

TARIKH : 2/3/2023
SURAT KHABAR : Berita Harian
MUKA SURAT : 9

Maklumat pasaran buruh ukur aliran pertumbuhan pekerjaan

Kuala Lumpur: Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO), agensi di bawah Kementerian Sumber Manusia, mempunyai banyak maklumat mengenai pekerja dan majikan sektor swasta yang membolehkannya mengukur arah aliran pasaran buruh.

Kekayaan data dalam PERKESO merangkumi data daripada lima sektor utama iaitu pertanian, perlombongan dan kuari, pembuatan, pembinaan dan perkhidmatan.

Justeru, PERKESO melihat peluang untuk menggunakan data sendiri bagi unjuran contohnya, kadar pengangguran bagi membantu penggubal dasar dan orang awam memahami prospek pasaran buruh yang akan datang.

Kesan kejutan ekonomi terdahulu terhadap pekerjaan dalam pasaran buruh juga diukur dan dinamakan sebagai faktor risiko.

PERKESO membangunkan formula untuk mengira bilangan tenaga buruh yang menganggur daripada tiga sumber data, menggunakan data bulanan dikumpul sejak Januari 2016.

Daripada pangkalan data ASSIST PERKESO, jumlah pekerja terdiri daripada data majikan dan pekerja daripada lima sektor utama, manakala pangkalan data Matrix PERKESO

menyediakan data pekerja sendiri dan pekerja sektor awam dianggarkan berjumlah 1.6 juta orang.

Faktor risiko juga dirumus daripada pangkalan data PERKESO ASSIST berdasarkan jurang pekerjaan yang timbul ketika kejutan ekonomi.

Sebagai rujukan kepada jumlah tenaga buruh, data daripada Jabatan Perangkaan (DOSM) digunakan. Oleh itu, jumlah penganggur dapat dirumus daripada formula yang disediakan PERKESO menggunakan beberapa sumber data.

Data bulanan sejak Januari 2016 digunakan untuk membuat ramalan. Dengan menggunakan model *Time-Series*, kadar pengangguran diramalkan menuun daripada 3.5 peratus kepada

3.2 peratus pada tahun ini dengan andaian tiada kejutan ekonomi.


Daripada rumus bilangan penganggur, ramalan jumlah orang yang bekerja boleh diperoleh.

Malah, daripada model ramalan itu, prospek pekerjaan bagi lima sektor utama boleh diuraikan iaitu sektor pertanian meningkat antara 5.8 peratus dan 6.8 peratus, manakala sektor pembuatan pula di antara 4.9 peratus dan 5.9 peratus.

Bagi sektor perkhidmatan pula ia dijangka meningkat di antara 2.8 peratus dan 3.8 peratus, manakala bagi sektor pembinaan serta perlombongan dan kuari dijangka meningkat di antara 0 peratus dan 1 peratus.

Kejutan ekonomi meninggal-

Unjuran peratus kadar pengangguran bulanan dengan sempadan atas dan bawah



kan kesan besar terhadap pekerjaan.

Dari 1997 hingga hari ini, kejutan ekonomi yang mencatatkan perubahan ketara terhadap peratus kadar pengangguran (UR%) ialah Krisis Kewangan Asia, Kejatuhan Tech Bubble, Krisis Kewangan Global, Perubahan Iklim, Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) akibat pandemik dan Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB).

Kejutan ekonomi boleh digunakan untuk mengukur secara konservatif, potensi risiko pekerjaan kepada rumus bilangan penganggur.

Sekiranya berlaku kejutan ekonomi pada 2023, faktor risiko berdasarkan peristiwa yang hampir sama boleh ditambah kepada kadar penganggu-

ran diramalkan.

Mengambil Krisis Kewangan Global sebagai contoh, ekspor Malaysia menyaksikan penurunan mendadak apabila pasaran kewangan global mengalami tekanan melampau berpunca dari Amerika Syarikat (AS).

Bagaimanapun, memandangkan Malaysia diramalkan mengalami pemulihan guna tenaga yang mampan dalam pasaran buruh sepanjang 2023 tanpa sebarang risiko kejutan ekonomi yang ketara, pelarasian kepada ramalan tidak boleh digunakan.

PERKESO akan membabitkan pakar pasaran buruh luar untuk menambah baik model ramalannya. Organisasi juga merancang untuk menerbitkan laporan ini secara berkala.

• Semua sektor utama ekonomi diramal mencatat pertumbuhan pekerjaan positif dengan sektor pertanian sebagai penyumbang tertinggi iaitu 5.8 peratus hingga 6.8 peratus

V Sivakumar, Menteri Sumber Manusia

